

## **Pemeriksaan Konstruk Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi Berteraskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan**

### ***[The Empowerment of High-Impact Educational Practice Construct Based on Kelantan Rabbani Education Policy]***

**Rahim Kamarul Zaman<sup>1</sup>, Mujiburrahman Muhammad Saleh<sup>2</sup>, Nur  
Shahidah Ab Hamid<sup>2</sup>, Mazlan Ibrahim<sup>3</sup> & Azizi Umar<sup>4</sup>**

- <sup>1</sup> (Corresponding Author) Jabatan Al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: [abdulrahimkz51@gmail.com](mailto:abdulrahimkz51@gmail.com). ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-5222-0182>
- <sup>2</sup> Jabatan Al-Syariah dan Pengurusan Halal, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: [mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com](mailto:mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com), [nurshahidahhamid@gmail.com](mailto:nurshahidahhamid@gmail.com)
- <sup>3</sup> Jabatan Usuluddin Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia. E-mail: [mazib@ukm.edu.my](mailto:mazib@ukm.edu.my)
- <sup>4</sup> Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia. E-mail: [aziziumar@ukm.edu.my](mailto:aziziumar@ukm.edu.my)

#### **ABSTRACT**

*The transformation of Malaysia's higher education system in the 21<sup>st</sup> century has seen substantial progress. The Malaysian Education Development Plan for Higher Education (2015-2025) prioritises a holistic, comprehensive and integrated approach to curriculum development. The plan is also supported by High-Impact Educational Practices (HIEP) to produce holistic graduates who are knowledgeable and ethically aligned with the National Higher Education Philosophy. However, the holistic element appears very subjective, making it difficult for Higher Education Providers (HEPs) to develop an integrated curriculum based on these aspirations. This study aims to analyse how the Kelantan Rabbani Education Policy (DPRK), introduced by the Kelantan State Government in 2018, can support the aspirations of HIEP. Using thematic content analysis, this qualitative study examines the correlation between the 9 DPRK principles, the four core features of HIEP, and Leap 1 of the Malaysian Education Development Plan 2015-2025 (Higher Education). The study's results reveal the significant potential of integrating DPRK into the implementation of HIEP. The impressive 78.1% potential integration of all nine principles to enhance the four construct characteristics of HIEP underscores its importance. Specifically, 36 out of 46 best practices were identified as suitable for integration into HIEP aspirations, highlighting the promising prospects of this approach. In conclusion, this study found that DPRK deserves to be dignified as a*

*HIEP quality empowerment module and officially practised in national and global higher education systems.*

**Keywords:** *Higher Education; High-Impact Educational Practice; Policy; Rabbani; Kelantan*

---

### ABSTRAK

Transformasi sistem pendidikan tinggi di Malaysia dalam abad ke-21 telah mencatatkan kemajuan yang ketara. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), aspek pembangunan kurikulum yang holistik, bersepadu dan konstruktif telah digariskan sebagai lonjakan utama. Pelan berkenaan turut disokong Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau *High-Impact Educational Practices* (HIEP) bagi menghasilkan graduan holistik yang berilmu dan berakhlak sejajar dengan Falsafah Pendidikan Tinggi Kebangsaan. Namun, elemen holistik berkenaan kelihatan sangat subjektif dan menyukarkan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) membangunkan kurikulum bersepadu berpandukan aspirasi berkenaan. Justeru, kajian ini dikemukakan bagi membincangkan potensi pemerkasaan aspirasi HIEP melalui pengaplikasian Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan yang telah digagaskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2018. Dengan mengaplikasi metode analisis kandungan secara tematik, kajian berbentuk kualitatif ini meneliti tahap keselarian aspirasi 9 prinsip DPRK, 4 ciri teras HIEP dan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Hasil kajian mendapati, potensi pengintegrasian DPRK dalam konstruk HIEP adalah amat signifikan. Konstruk 9 prinsip DPRK yang menggariskan 46 amalan terbaik didapati sesuai disepadukan dalam aspirasi HIEP. Kesimpulannya, kajian ini mendapati DPRK wajar dimartabatkan sebagai modul pemerkasaan kualiti HIEP dan dipraktikkan secara rasmi dalam sistem pendidikan tinggi peringkat nasional dan global.

**Kata Kunci:** Pendidikan Tinggi, Berimpak Tinggi, Dasar Pendidikan, Rabbani, Kelantan

#### How to Cite:

Received: 16-10-2022

Revised: 6-11-2024

Accepted: 17-11-2024

Published: 22-11-2024

Zaman, R. K., Saleh, M., Hamid, N. S. A., Ibrahim, M. & Umar, A. (2024). Pemerkasaan Konstruk Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi Berteraskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 185-202

## 1. Pendahuluan

Transformasi sistem pendidikan tinggi di Malaysia dalam abad ke-21 telah memaparkan kemajuan yang ketara. Dengan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, usaha pembangunan potensi individu pelajar dan graduan secara menyeluruh dan bersepadu telah menjadi tumpuan utama. Pada dasarnya, aspirasi pembangunan potensi pelajar telah berjaya dibangunkan secara sistematik dengan terhasilnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) di samping Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau *High-impact Educational Practices* (HIEP) 2019. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024; Sirat & Wan, 2022; Ahmad, 2017).

Namun begitu, dalam konteks pelaksanaan PPPM (PT) 2015-2025 beberapa cabaran telah dikenal pasti. Antaranya seperti cabaran penyelesaian isu mutu konstruk pentaksiran, kualiti inovasi dan penyelidikan pendidikan tinggi, pengukuhan nilai kebolehpasaran graduan dan kesukaran penerapan elemen holistik dalam pembangunan kurikulum bersepadu. Antara kajian yang membicarakan cabaran-cabaran berkenaan seperti Jaafar & Zaman (2023), Sirat & Wan (2022), Ijon et al. (2022), Zaman et al. (2022), Esa et al. (2021), Halim et al. (2020), Munusamy & Hashim (2019), Shamsul et al. (2018), Awang et al. (2018) dan Ahmad (2017).

Dalam konteks lebih khusus, elemen holistik yang digariskan dalam PPPM (PT) 2015-2025 dan HIEP 2019 kelihatan subjektif dan menandatangani kesukaran kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk membangunkan kurikulum bersepadu sebagaimana aspirasinya. Bagi mendepani cabaran berkenaan, Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2018 telah menggagaskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) selari dengan aspirasi PPPM (PT) 2015-2025. DPRK telah dibangunkan dengan tujuan memastikan penekanan nilai holistik, etika dan kerohanian pelajar di Negeri Kelantan mencapai tahap yang optimum (Zaman et al. 2022; Umar et al. 2020).

DPRK mengandungi sebanyak sembilan (9) prinsip pendidikan beserta 46 amalan terbaik yang berpandukan al-Quran dan Sunnah. Kombinasi strukturnya yang komprehensif telah berjaya memacu potensi DPRK sebagai piawai teras penggubalan kurikulum pendidikan yang holistik (Zaman et al. 2022; Umar et al. 2020; Awang et al., 2018; Yusoff, 2017; Mohamad et al., 2016). Tuntasnya, DPRK dilihat berpotensi diaplikasi sebagai dasar sokongan bagi menangani cabaran yang dihadapi PPM (PT) 2015-2025 dan HIEP.

Justeru, kajian ini bertujuan membincangkan potensi pemerkasaan konsep holistik dalam konstruk HIEP bagi memastikan objektiviti melahirkan graduan bersifat holistik yang disasarkan PPPM (PT) 2015-2025 dan HIEP dapat tercapai dengan baik. Melaluinya, graduan berilmu dan berakhlak mampu dihasilkan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Tinggi Kebangsaan.

Bagi tujuan tersebut, kajian ini akan menganalisis aspirasi holistik yang terkandung dalam konstruk HIEP dan DPRK. Melaluinya, cadangan pengintegrasian konstruk di antara HIEP dan DPRK dapat dikemukakan. Berteraskan pengintegrasian tersebut, kajian ini optimis matlamat menghasilkan graduan holistik dan bersepadu dapat dipacu dengan lebih baik.

Secara keseluruhannya, komitmen membangunkan jati diri pelajar dan graduan merupakan amanah dan tanggungjawab bersama setiap pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan di Malaysia. Jaringan usaha pelbagai pihak yang didasari kombinasi dasar-dasar pendidikan yang mantap akan membantu Falsafah Pendidikan Kebangsaan tercapai secara optimum.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini dikemukakan bagi menangani cabaran pelaksanaan aspirasi holistik yang disasarkan dalam PPPM (PT) 2015-2025. Praktikal elemen holistik di dalam PPPM (PT) 2015-2025 didapati bersifat subjektif sehingga mendatangkan kesukaran kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk memenuhi aspirasinya. Justeru, kajian ini tampil membincangkan keselarian aspirasi konstruk Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau *High-Impact Educational Practices* (HIEP) dengan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) yang telah digagaskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2018. Melaluinya, kajian ini cuba meninjau potensi pemeraksanaan konstruk HIEP dengan DPRK, khususnya menyentuh aspek objektiviti elemen holistik.

Dengan mengaplikasi metode analisis kandungan secara tematik dan koheren, kajian berbentuk kualitatif ini meneliti tahap keselarian di antara konstruk sembilan (9) prinsip dan 46 amalan terbaik DPRK dengan empat (4) ciri teras konstruk HIEP. Bagi tujuan tersebut, kajian ini melakukan pemetaan konstruk yang memaparkan peratusan keselarian dan potensi pengintegrasian antara konstruk HIEP dan DPRK. Kemudiannya, nilai koheren yang terkandung dalam prinsip DPRK dan HIEP akan diperincikan bagi mengukuhkan konsep atribut etika dan kerohanian dalam PPPM (PT) 2015-2025. Bagi menyokong inisiatif pengintegrasian, kajian ini turut merujuk karya-karya ilmiah bidang pembangunan insan yang terdiri daripada kitab-kitab tafsir, syarah hadis, jurnal dan lain-lain sumber rujukan primer yang berkaitan. Secara keseluruhannya, kajian ini menampilkan cadangan pemeraksanaan objektiviti elemen holistik dalam HIEP dan PPPM (PT) 2015-2025 selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### 3. Wacana Nilai Holistik Dalam Konstruksi HIEP dan DPRK

Pada tahun 2015, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan aspek pembangunan kurikulum yang holistik, bersepadu dan konstruktif sebagai lonjakan utama dalam PPPM (PT) 2015-2025. Secara teknikal, KPM pada ketika itu turut mensasarkan pembangunan potensi pelajar secara individu dengan enam atribut atau domain utama: etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, jati diri kebangsaan, kemahiran berfikir, kemahiran bahasa dan pengetahuan bersepadu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Hasilnya, akan terlahir graduan holistik dan seimbang serta berciri keusahawanan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Sirat & Wan, 2022; Ismail et al., 2021; Munusamy & Hashim, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

#### 3.1 Nilai Holistik Dalam Konstruksi HIEP

Bagi memastikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan tercapai, KPM telah menetapkan inisiatif penggubalan kurikulum holistik dan bersepadu sebagai strategi utama (Strategi A) di dalam PPPM (PT) 2015-2025. Setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bertanggungjawab menggubal kurikulum yang holistik dan bersepadu. Kurikulum berkenaan juga perlu disejajarkan secara konstruktif dengan menekankan penggunaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau *High-impact Educational Practices* (HIEP). Secara konsepnya, HIEP menekankan aspek kejelasan kognitif, kemahiran keusahawanan di samping keutamaan pembelajaran melalui pengalaman dan inovasi yang perlu dibangunkan secara holistik (Sirat & Wan, 2022; KPM 2015: 81).

Dalam menjayakan objektif lonjakan utama PPPM (PT), pada tahun 2019 KPM melalui Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) telah menerbitkan dokumen Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau *High-Impact Educational Practices* (HIEP). Dokumen ini telah dihasilkan sebagai panduan PPT melaksanakan inisiatif pembangunan kurikulum holistik dan bersepadu di institusi masing-masing (Sirat & Wan, 2022). Berdasarkan aspirasinya, pelaksanaan HIEP mensasarkan penghasilan graduan holistik yang berilmu dan berakhlak sejajar dengan gagasan Falsafah Pendidikan Tinggi Kebangsaan. Secara praktikal, KPM memberikan kebebasan inisiatif kepada setiap PPT di Malaysia untuk membangunkan kurikulum bersepadu dan berkualiti dengan berpandukan Strategi A PPM (PT) 2015-2025.

Dalam Strategi A, KPM telah menetapkan tiga fasa pelan tindakan pelaksanaan inisiatif membangunkan kurikulum holistik dan bersepadu (KPM 2015: 85). Fasa 1 (2015) dimulakan dengan memperkenalkan HIEP,

pembelajaran berdasarkan pengalaman dan inovasi di samping penerapan sikap keusahawanan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Fasa 2 (2016-2020) pula KPM akan membantu PPT mengukuhkan rangka kerja penghasilan kursus umum merentas kurikulum. Terakhir, dalam Fasa 3 (2021-2025) KPM akan menyokong inisiatif setiap PPT membangunkan kurikulum bersepadu.

Bagi memastikan objektif HIEP tercapai, KPM telah menggariskan empat ciri konstruk HIEP yang perlu diterapkan dalam pembentukan sesebuah kurikulum.

Jadual 1. Empat Ciri Konstruk Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP)

No	Ciri HIEP	Keterangan
1	Pengetahuan Tentang Budaya dan Dunia Fizikal atau Sebenar	Fokus kepada keterlibatan pelajar dalam mengupas isu-isu besar, meruncing dan bersifat kontemporari.
2	Kemahiran Intelektual dan Praktikal	Merentas kurikulum secara berperingkat melalui pengendalian projek atau kes yang mencabar dan penggunaan standard pentaksiran berasaskan prestasi.
3	Tanggungjawab dan Sosial	Kendiri Disangkutkan dengan penyertaan aktif dalam komuniti yang penuh dengan kepelbagaian dan cabaran dunia nyata.
4	Pembelajaran dan Gunaan Bersepadu	Diserlahkan melalui penggunaan pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri kebertanggungjawaban dalam menyelesaikan masalah kompleks dan situasi baharu

*Sumber:* Jabatan Pengajian Tinggi (2019)

Berdasarkan Jadual 1, setiap PPT hendaklah membangunkan kurikulum bersepadu yang bermatlamat membangunkan keperibadian pelajar yang berpengetahuan, peka dan berupaya menyesuaikan diri dengan realiti cabaran dunia masa kini (Jabatan Pengajian Tinggi, 2019). Merujuk kepada objektif kajian ini, kesemua empat ciri konstruk HIEP didapati berpotensi diintegrasikan dengan nilai-nilai holistik dan aspirasi pembangunan insan dalam DPRK. Hasil pengintegrasian tersebut akan memperkasa konstruk HIEP dan kemudiannya meningkatkan kualiti penghasilan kurikulum bersepadu yang disasarkan KPM.

Dari segi kandungannya, ciri pertama, ketiga dan keempat HIEP membicarakan aspek konseptual pembangunan insan berbanding ciri kedua HIEP yang lebih menumpukan aspek pentaksiran prestasi. Namun begitu,

aspek pentaksiran berkenaan tetap tertakluk kepada sifat holistik meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor sebagaimana ketetapan dalam taksonomi pembelajaran. Malah, konstruksinya juga tertakluk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan ketetapan kurikulum kebangsaan (KPM, 2017).

Sehubungan itu, KPM (2017) turut menetapkan program-program pembangunan kurikulum yang dirancang hendaklah bertujuan untuk memperkukuh kemenjadian pelajar secara holistik. Selari dengan aspirasi berkenaan, DPRK telah menampilkan prinsip kemenjadian insan mulia dengan konsep yang lebih komprehensif (Jaafar & Zaman, 2023; Zaman et al., 2023).

Sebagai tambahan, kualiti aspirasi konstruk HIEP berkenaan telah didasari enam atribut utama seperti digariskan dalam Lonjakan 1, PPPM (PT). Keterangan enam atribut berkenaan boleh difahami dalam Jadual 2.

Jadual 2. Enam Atribut Utama Pelajar dan Graduan (Pendidikan Tinggi)

No.	Atribut	Keterangan
1	Etika dan Kerohanian	Beretika dan bermoral, mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat.
2	Kemahiran Memimpin	Komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin.
3	Identiti Nasional	Mempunyai jati diri kebangsaan dan memahami aspirasi negara.
4	Kemahiran Bahasa	Mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan teruja untuk mempelajari satu bahasa global tambahan.
5	Kemahiran Berfikir	Menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan.
6	Pengetahuan	Menguasai bidang pilihan, mampu memanfaatkan, menghubungkan dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari, dan mampu menghargai kesenian, kebudayaan, serta sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

*Sumber:* (KPM, 2015)

Merujuk Jadual 2, KPM telah mengklasifikasi secara seimbang enam atribut berkenaan kepada dua kategori. Atribut 1, 2 dan 3 telah digariskan mewakili kategori Akhlak (Etika dan Moral). Manakala atribut 4, 5 dan 6 mewakili kategori kategori Ilmu (Pengetahuan dan Kemahiran). Kombinasi

enam atribut berkenaan bagi tujuan mencorakkan pelajar dan graduan secara holistik dan bersepadu (KPM, 2015).

Tuntasnya, kombinasi kesemua empat (4) ciri HIEP dengan enam (6) atribut utamanya jelas bertujuan membentuk teras pembangunan kurikulum yang melatih pelajar menjadi individu yang berpengetahuan, berdaya saing dan komited menyumbang kepada masyarakat. Perihal ini memaparkan beberapa persamaan konstruk dan keselarian aspirasi HIEP dengan visi dan aspirasi DPRK. Namun, perincian nilai holistik dalam HIEP yang bersifat subjektif dilihat boleh diperkukuhkan melalui pengintegrasian kandungan DPRK.

### 3.2 Nilai Holistik Dalam Konstruk DPRK

Pelaksanaan DPRK merupakan komitmen negeri Kelantan sebagai Hub Pendidikan Islam yang dinamik. Merujuk kepada keterangan rasional pelaksanaan DPRK, Kerajaan Negeri Kelantan mensasarkan fungsinya dalam memandu penentuan hala tuju pendidikan nasional pada masa hadapan (Zaman et al. 2022; Umar et al. 2020; Mohamad et al. 2016). Berdasarkan falsafahnya, pelaksanaan DPRK memfokuskan pengintegrasian skop pendidikan Islam dalam kehidupan masyarakat. Secara teknikal, DPRK mensasarkan penerapan falsafah Rabbani secara rasmi ke dalam seluruh platform pendidikan masyarakat di negeri Kelantan (Zaman et al., 2022; Umar et al., 2020).

Konstruk DPRK telah dibangunkan dengan sembilan (9) prinsip pendidikan Rabbani beserta 46 amalan terbaik berpandukan al-Quran dan Sunnah. Kombinasi strukturnya yang komprehensif telah berjaya memacu potensi DPRK sebagai piawai teras penggubalan kurikulum pendidikan yang holistik (Umar et al., 2020). Aspirasinya digarap bagi mendokong perancangan bersepadu pentadbiran Negeri Kelantan dalam memantapkan cara hidup rakyat berorientasikan Islam. (Umar et al., 2020; Mohamad et al., 2016). Tuntasnya, DPRK dapat difahami sebagaimana Jadual 3.

Jadual 3. Senarai Prinsip dan Amalan Terbaik DPRK

PRINSIP DPRK			
Prinsip (P)	Keterangan	Amalan Terbaik (AT)	
P1	Ilmu Bermatlamatkan Allah	Ilmu yang dituntut adalah berteraskan dan terarah kepada Allah.	1.1 Ilmu Adalah Milik Allah SWT 1.2 Ilmu Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah 1.3 Ikhlas Berilmu Kerana Allah 1.4 Bermatlamatkan Akhirat
P2	Keutamaan Ilmu & Kefaqihan	Pendidikan yang menjurus ke arah melahirkan individu	2.1 Keutamaan Ilmu Fardhu 'Ain 2.2 Pengajian Mengikut Turutan Ilmu



		yang memahami tingkatan keutamaan ilmu dan mencapai tahap kepakaran dalam bidangnya.	2.3 Pembangunan Individu Faqih 2.4 Pengintegrasian Ilmu Aqli dan Naqli
P3	Kemenjadian Insan Mulia	Mendidik individu ke arah pembentukan peribadi beradab dan berakhlak mulia.	3.1 Kecintaan Ilmu Pengetahuan 3.2 Melazimi Suruhan Agama 3.3 Berkeperibadian Mulia 3.4 Hidup Bermasyarakat 3.5 Keprihatinan Terhadap Alam Sekitar
P4	Pengamalan & Penyebaran Ilmu	Menterjemahkan ilmu dalam kehidupan seharian serta menyebarkan kepada yang lain	4.1 Pembudayaan Ilmu 4.2 Penghayatan Ilmu 4.3 Perkongsian Ilmu 4.4 Penyebaran Ilmu Secara Meluas 4.5 Pemartabatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Peningkatan Penguasaan Bahasa Lain
P5	Pembelajaran & Pengkajian Berterusan	Meningkatkan ilmu, kemahiran dan membudayakan kajian secara berterusan	5.1 Peningkatan Potensi dan Kemahiran 5.2 Pengaplikasian Ilmu Pengetahuan dan Teknologi 5.3 Pembinaan Jiwa Insan Pendidik 5.4 Pembudayaan Amalan Berguru 5.5 Pelaksanaan Penyelidikan Berterusan
P6	Pembangunan & Pengislahan Masyarakat	Mendidik individu ke arah membangunkan masyarakat dan melakukan islah.	6.1 Pembangunan Holistik dan Seimbang 6.2 Pengislahan Secara Berhikmah 6.3 Kewajipan Melaksanakan 'Amar Ma'aruf Nahi Mungkar 6.4 Mempelajari Bahasa Kaum Tempatan 6.5 Berkemahiran dalam Penyelesaian Masalah 6.6. Pengukuran Berterusan Secara Sainifik
P7	Kebersamaan Tanggungjawab	Individu yang menyedari sifat kebertanggungjawab dalam membangunkan diri dan masyarakat secara bersama	7.1 Keutamaan Peranan Ibu Bapa 7.2 Kerjasama Institusi Kerajaan, Swasta dan Masyarakat 7.3 Kepemimpinan dan Kompetensi Pemimpin Pendidikan 7.4 Pentadbiran Menjiwai Pendidikan 7.5 Kelestarian Pengurusan Dana

			7.6 Pengukuhan Amalan Persekutuan
P8	Bertepatan Realiti Semasa	Pendidikan yang melahirkan individu yang peka terhadap perkembangan terkini yang bergerak seiring dengan acuan Islam	8.1 Kecukupan Keperluan Fardhu Kifayah dalam Kehidupan 8.2 Penggunaan Teknologi Terkini 8.3 Pengukuhan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa 8.4 Cakna Kepada Realiti Kehidupan
P9	Kelestarian Ilmu	Kualiti pendidikan yang menekankan kesahihan sumber, pengintegrasian dan perubahan disiplin ilmu yang berterusan	9.1 Penyepaduan Akal dengan Wahyu 9.2 Pengintegrasian Disiplin Ilmu 9.3 Keperluan Memenuhi Fitrah Manusia Sejagat 9.4 Pengiktirafan Sumbangan Ilmuan Silam 9.5 Pendokumentasian Ilmu 9.6 Pengawalseliaan Kualiti Institusi Pendidikan 9.7 Jaminan Kesahihan Sumber

*Sumber:* Umar et al. 2020

Berdasarkan Jadual 1. kombinasi sembilan (9) prinsip DPRK dan senarai 46 Amalan Terbaik (AT) yang menjadi piawaian teras setiap prinsipnya adalah jelas menggambarkan komitmen dan konsistensi DPRK dalam agenda pembangunan insan yang holistik dan bersepadu. (Zaman et al. 2023; Zaman et al. 2022; Umar et al., 2020). Dalam hal ini, kualiti pembangunan keperibadian insan tidak akan berjaya dicapai kecuali dengan berpandukan sistem aturan al-Quran dan Sunnah (al-Ghazali 1999; Said Hawwa 1994).

Sehubungan itu, setiap amalan terbaik (AT) yang tersenarai dalam DPRK telah didokumentasikan secara terperinci meliputi kategori sumber, maksud, penghuraian amalan terbaik, model yang boleh dicontohi dan beberapa cadangan praktikal bagi mencapai hasil pelaksanaan sembilan (9) prinsip yang ditetapkan (Zaman et al. 2022; Umar et al. 2020). Kesimpulannya, kombinasi sembilan (9) prinsip DPRK yang sistematik amat signifikan diintegrasikan dengan aspirasi empat (4) ciri konstruk HIEP serta enam (6) atribut pelajar dan graduan dalam PPPM (PT).

#### 4. Dapatan Kajian

Berdasarkan kombinasi wacana aspirasi HIEP dan DPRK, kajian ini mendapati ciri pertama HIEP yang menekankan aspek pengetahuan tentang budaya dan realiti dunia fizikal terkandung dalam beberapa AT di bawah P1,

P2, P5, P6 dan P8 DPRK. Manakala ciri kedua HIEP yang menumpukan aspek kemahiran intelektual dan praktikal terkandung dalam sebahagian AT di bawah P2, P5, P6 dan P9. Sementara itu, ciri ketiga HIEP yang memfokuskan aspek tanggungjawab sendiri dan sosial didapati mempunyai keselarian dengan AT dalam P3, P4, P6 dan P7. Terakhir, ciri keempat HIEP yang menyentuh aspek pembelajaran bersepadu dan gunaan didapati mengandungi keselarian dengan beberapa AT dalam P5, P6, P8 dan P9.

Perincian keselarian konstruk HIEP dengan prinsip-prinsip DPRK boleh difahami berdasarkan pemetaannya dalam Jadual 4.

Jadual 4. Pemetaan Keselarian Prinsip DPRK kepada Empat Ciri Konstruk HIEP

No.	Ciri Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi	Prinsip DPRK (P)								
		P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9
		Amalan Terbaik (AT)								
1	Pengetahuan Tentang Budaya dan Dunia Fizikal atau Sebenar	1,3, 4	3,4			1,5	1,4, 5		3,4	
2	Kemahiran Intelektual dan Praktikal		2,3, 4			1,2, 5	1,5, 6			6,7
3	Tanggungjawab Kendiri dan Sosial			1,2, 3,4, 5	1,2, 3,4		2,3	1,2, 3,4		
4	Pembelajaran Bersepadu dan Gunaan					1,2, 5	1,2, 5		2,3, 4	1,2, 3
Jumlah AT Selari dengan Konstruk HIEP		3/4	3/4	5/5	4/5	3/5	6/6	4/6	3/4	5/7
<b>Peratusan (%) AT Berpotensi diintegrasikan dengan Konstruk HIEP</b>		<b>75</b>	<b>75</b>	<b>100</b>	<b>80</b>	<b>60</b>	<b>100</b>	<b>67</b>	<b>75</b>	<b>71</b>

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Jadual 3., kesemua sembilan (9) Prinsip (P) DPRK di samping 36 daripada 46 Amalan Terbaik (AT) DPRK didapati berpotensi diintegrasikan sebagai elemen pemerkasaan konstruk dan aspirasi HIEP. Potensi pemerkasaan berkenaan ditentukan melalui padanan AT prinsip DPRK dengan keterangan keempat-empat ciri HIEP. Keselarian dan potensi padanan berkenaan boleh dilihat pada kolom "Jumlah AT Selari dengan Konstruk HIEP" dan kolom "Peratusan Potensi Integrasi". Sebagai contoh, P3 menunjukkan kesemua lima per lima (5/5) AT yang terkandung didalam P3 selari dan sesuai diintegrasikan dengan ciri ketiga konstruk HIEP. Demikian juga P6, kesemua enam per enam (6/6) AT di dalam P6 berpotensi diterapkan untuk memperkasa empat (4) ciri konstruk HIEP. Sehubungan itu juga, P3-

Kemenjadian Insan Mulia dan P6-Pembangunan & Pengislahan Masyarakat telah mencatatkan peratusan 100% keselarian dan potensi integrasi kepada HIEP.

Dalam konteks berbeza, ciri pertama HIEP memaparkan potensi terbesar peluang pemeraksanaan dengan tahap keselarian meliputi lima (5) Prinsip DPRK dan 12 Amalan Terbaik (AT). Disusuli dengan ciri ketiga HIEP yang mempunyai tahap keselarian meliputi empat (4) Prinsip DPRK dan 15 AT. Sementara itu, ciri keempat mempunyai tahap keselarian meliputi empat (4) P dan 12 AT. Terakhir adalah ciri kedua HIEP yang berpotensi diperkasakan melalui empat (4) P dan 11 AT.

Sehubungan itu, kajian ini mendapati faktor keselarian yang tinggi di antara DPRK dan HIEP adalah kerana gagasan kedua-duanya telah dibangunkan berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, kombinasi tujuh (7) matlamat DPRK juga memaparkan komitmennya yang selari dengan PPPM (PT) 2015-2025 dan enam (6) atribut utama dalam konstruk HIEP. Secara ringkas matlamat DPRK terdiri daripada; 1- Komitmen mewujudkan acuan ilmu berteraskan wahyu; 2- Menyemai elemen ketuhanan dalam proses pendidikan; 3- Membangunkan kurikulum yang bersifat holistik dan futuristik; 4- Meningkatkan konsistensi profesionalisme pendidik; 5- Perkongsian pintar secara sistematik antara institusi pendidikan dan 6- Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menerapkan kemahiran kritis, kreatif dan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dengan realiti gagasan dan matlamat berkenaan, DPRK telah konsisten berfungsi secara selari dengan agenda pembangunan pendidikan peringkat nasional.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati peratusan potensi integrasi kesemua sembilan (9) prinsip dan 46 amalan terbaik DPRK kepada empat ciri konstruk HIEP adalah pada kadar 78.1 peratus. Justeru, kajian ini optimis pengintegrasian konstruk HIEP dengan kandungan DPRK akan membantu setiap PPT menambah baik objektiviti proses pembangunan kurikulum holistik dan bersepadu selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan PPPM (PT).

## 5. Perbincangan

Pada dasarnya, seluruh rakyat Malaysia berkongsi tanggungjawab menjayakan gagasan dan aspirasi pendidikan negara. Tanpa komitmen segenap lapisan masyarakat, aspirasi PPPM (PT) 2015-2025 dan HIEP bagi melahirkan graduan holistik yang berkualiti untuk negara Malaysia adalah sukar dicapai. Sehubungan itu, kejayaan pelaksanaan PPPM (PT) 2015-2025

yang dapat disaksikan pada hari ini merupakan hasil komitmen dan kerjasama semua pihak.

### ***5.1 Cadangan Pengintegrasian Konstruk HIEP Dan DPRK***

Sepanjang hampir 10 tahun pelaksanaan PPPM (PT) 2015-2025, pelbagai inisiatif sokongan diperlukan bagi memantapkan kualiti pencapaian aspirasinya. Inisiatif sokongan sama ada berbentuk integrasi atau intervensi merupakan usaha yang digalakkan berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Justeru itu, kajian ini tampil mengemukakan cadangan pemerksaan konstruk HIEP sebagai tanda komitmen terhadap tanggungjawab menjayakan agenda pembangunan pendidikan nasional selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Cadangan pemerksaan ini dihasilkan melalui pengintegrasian antara konstruk HIEP dan DPRK yang tertumpu kepada elemen holistik. Tuntasnya, pengintegrasian ini cuba meningkatkan objektiviti setiap PPT dalam membangunkan kurikulum yang holistik dan bersepadu. Perincian cadangan ini boleh difahami dalam Jadual 5.

Jadual 5. Cadangan Integrasi Konstruk HIEP Dan DPRK

No	Ciri-ciri Konstruk HIEP	Deskripsi
1	Pengetahuan Tentang Budaya dan Dunia Fizikal atau Sebenar	<p><b>Deskripsi asal:</b> “Fokus kepada keterlibatan pelajar dalam mengupas isu-isu besar, meruncing dan bersifat kontemporari.”</p> <p><b>Cadangan Integrasi:</b> “Memfokuskan penglibatan pelajar dalam membicarakan penyelesaian isu-isu kontemporari berkaitan kemaslahatan masyarakat melalui pendekatan penyelidikan berterusan berteraskan pengintegrasian akal dan wahyu serta bermatlamatkan keredaan Allah SWT”</p> <p>(Sumber DPRK: P1-BP 1,3,4; P2-BP 3,4; P5-BP 1,5; P6-BP 1,4,5; P8-BP 3,4)</p>
2	Kemahiran Intelektual dan Praktikal	<p><b>Deskripsi asal:</b> “Merentas kurikulum secara berperingkat melalui pengendalian projek atau kes yang mencabar dan penggunaan standard pentaksiran berasaskan prestasi.”</p> <p><b>Cadangan Integrasi:</b> “Merentas kurikulum secara berperingkat mengikut keutamaan ilmu di samping pengintegrasian ilmu wahyu dan logik dalam pelaksanaan projek yang mencabar dengan mengaplikasi teknologi dan standard pengukuran berterusan secara saintifik”</p>

		(Sumber DPRK: P2-BP 2,3,4; P5-BP 1,2,5; P6-BP 1,5,6; P9-BP 6,7)
3	Tanggungjawab Kendiri dan Sosial	<p><b>Deskripsi asal:</b> “Disangkutkutan dengan penyertaan aktif dalam komuniti yang penuh dengan kepelbagaian dan cabaran dunia nyata.”</p> <p><b>Cadangan Integrasi:</b> “Memfokuskan pembentukan keperibadian mulia, komited menterjemahkan ilmu pengetahuan dalam keaktifan hidup bermasyarakat di samping bertanggungjawab membangunkan masyarakat secara holistik dan seimbang”</p> <p>(Sumber DPRK: P3-BP 1,2,3,4,5; P4-BP 1,2,3,4; P6-BP 2,3; P7-BP 1,2,3,4)</p>
4	Pembelajaran Bersepadu dan Gunaan	<p><b>Deskripsi asal:</b> “Diserlahkan melalui penggunaan pengetahuan dan Kemahiran serta ciri-ciri kebertanggungjawaban dalam menyelesaikan masalah kompleks dan situasi baharu”</p> <p><b>Cadangan Integrasi:</b> “Menumpukan penggunaan pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan penyelidikan berterusan bagi menyelesaikan masalah realiti kehidupan manusia sejagat dengan berteraskan pendekatan penyepaduan akal dan wahyu”</p> <p>(Sumber DPRK: P5-BP 1,2,5; P6-BP 1,2,5; P8-BP 2,3,4; P9-BP 1,2,3)</p>

*Sumber:* (Analisis Pengkaji; Zaman et al. 2022; Zaman et al. 2024)

Berdasarkan Jadual 5, cadangan pengintegrasian keempat-empat ciri konstruk HIEP telah dikemukakan dengan gabungan formulasi 36 AT yang terkandung dalam sembilan (9) prinsip DPRK. Bagi tujuan tersebut, kajian ini telah memformulasi setiap AT yang berkaitan untuk diselarikan dengan deskripsi asal keempat-empat ciri HIEP. Kombinasi AT yang digunakan dalam proses formulasi dinyatakan di bawah terma “Sumber DPRK” selepas cadangan integrasi. Tuntasnya, kombinasi AT berkaitan boleh dirujuk dalam Jadual 4.

Merujuk cadangan pengintegrasian dalam Jadual 5, inisiatif menggabungkan elemen holistik dalam DPRK dengan HIEP merupakan pendekatan yang komprehensif dan menepati konsep pendidikan Islam yang mengutamakan agenda pengislahan secara berterusan. Dalam aspek ini, penekanan nilai holistik dalam DPRK didapati lebih mengutamakan sumber al-Quran dan hadis berbanding rasional. Oleh itu, sebarang usaha menangani cabaran hidup masa kini dengan berpandukan sumber wahyu dan prinsip Islam diyakini mampu memberikan faedah positif secara optimum terhadap jati diri individu. (Zaman et al., 2023; Jaafar & Zaman, 2023; Ahmad, 2019; Lubis et al., 2019; Othma, 2017).

Secara keseluruhannya, cadangan pengintegrasian dalam Jadual 5 bertujuan meningkatkan kualiti kerangka pembangunan modal insan berteraskan konsep Rabbani. Secara teknikal, konsep Rabbani menekankan setiap pertimbangan, pilihan dan tindakan dalam kehidupan manusia hendaklah berteraskan matlamat kepatuhan kepada Allah SWT (Zaman et al. 2023). Dimensinya meliputi aspek pembangunan ilmu pengetahuan, pengukuhan keimanan, pemerkasaan ibadah, tuntutan berdakwah mempertahankan Islam dan pembangunan generasi cemerlang (Zaman et al. 2022; Ismail et al. 2020; Duruzah 1964; al-Qawsi 2006).

Sehubungan itu juga, pengintegrasian di atas juga menepati kriteria pembangunan modal insan dalam perspektif Islam. Hal ini dibuktikan apabila aspirasi pengintegrasian di atas mengandungi tiga pendekatan utama pembangunan modal insan yang disyaratkan. Pertama, pemantapan ilmu pengetahuan berteraskan wahyu. Kedua, pelaksanaan pendidikan membina jati diri dan mengukuhkan keimanan. Ketiga, kegiatan dakwah dan penyampaian ilmu bagi memastikan kelestarian sebaran kefahaman Islam serta membentuk kemahiran berorganisasi (Hawwa 1994). Melalui kombinasi tiga pendekatan tersebut, sikap bertanggungjawab, amanah dan konsisten akan lahir dalam setiap kehidupan individu muslim (Tamuri 2021; Hamid & Fauzi, 2018; al-Ghazali 1999; Hawwa 1994).

Kesimpulannya, usaha pengintegrasian aspirasi HIEP dan DPRK yang dikemukakan kajian ini merupakan sebahagian komitmen pemerkasaan agenda pembangunan modal insan berorientasikan nilai ketuhanan dan kerohanian Islam. Selain itu, inisiatif kajian ini juga membuktikan setiap dasar dan kurikulum pendidikan yang mengadaptasi kefahaman al-Quran dan Sunnah akan menjadi lebih berkualiti dalam membentuk keperibadian bersifat holistik. Akhirnya, usaha kecil ini wajar diteliti semua pihak berautoriti dalam bidang pendidikan bagi memastikan visi dan misi pendidikan negara berjaya dicapai dengan cemerlang.

## **6. Kesimpulan**

Hasil penelitian komprehensif terhadap wacana pembangunan graduan dan pelajar dalam Lonjakan 1, PPPM (PT) dan empat (4) ciri konstruk HIEP memaparkan potensi pemerkasaannya melalui DPRK. Inisiatif pemerkasaan tersebut selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menuntut komitmen semua pihak menjayakan agenda pembangunan pendidikan berkualiti demi kepentingan Negara Malaysia. Sehubungan itu, usaha pemerkasaan konstruk HIEP yang dikemukakan kajian ini merupakan agenda penting yang memerlukan komitmen tinggi semua pihak. Perlu diakui, usaha pembangunan modal insan yang holistik akan lebih mantap dan berkesan

apabila disokong dasar-dasar pendidikan berteraskan al-Quran dan Sunnah seumpama DPRK. Secara keseluruhannya, orientasi pengintegrasian konstruk di antara HIEP dan DPRK wajar diiktiraf dan dimartabatkan dalam agenda pembangunan pendidikan holistik dan bersepadu bagi melahirkan modal insan bersifat Rabbani yang diperlukan masyarakat dan negara. Akhirnya, semoga inisiatif ini dapat dikembangkan dan dipraktikkan selari dengan aspirasi PPPM (PT) 2015-2025 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## 7. Penghargaan

Manuskrip ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian usaha sama penyelidikan Ahli Task Force Pelaksanaan DPRK di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Persatuan Alumni KIAS (ALKIAS) dan Panel Pakar Penggubalan DPRK. Usaha sama ini juga dijalankan di bawah rangka kajian pembangunan pendidikan berimpak tinggi di KIAS dengan berteraskan DPRK.

## Rujukan

- Ahmad, H. H. (2017). An overview of the Malaysian higher education issues and challenges. *MOJEM: Malaysian Online Journal of Educational Management*, 2(1), 10–19.
- Ahmad, S. (2019). Qur'anic Guidelines for Personality Development and Collective Work. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 41(1).
- Al-Ghazālī, A. H. (1999). *Ihyā' Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Fajr Li al-Turāth.
- Al-Qawsi, M. S. (2006). *Dirasāt Fi al-Nizām al-Khuluqī Bayna al-Islām wa al-Nuzum al-Wad'iyyah*. Cet. 2. Riyadh: Dār Imām al-D'awah.
- Awang et al. (2018). *Kompilasi Dan Analisis Dokumen Penubuhan Dan Perkembangan KIAS*. Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Baba, S. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Alaf 21
- Duruzah M. I. (1964). *Al-Tafsīr al-Ḥadīth (Hasb Tartīb al-Nuzūl)*. Kaherah: Dār Ihyā' al-Turāth.
- Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Ramlie, H. A., & Abang Muis, A. M. R. (2021). Evolusi Kursus Teras Universiti: Dari Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia ke Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(39), 166-181.
- Halim, A. A., Othman, N., Yusof, A. N. M., Majid, A. A., & Azri, N. (2020). Keberkesanan Mooc Titas dalam pembentukan sikap mahasiswa universiti awam. *Jurnal dunia pendidikan*, 2(1), 40-48.
- Hamid, A. F. A., & Fauzi, A. (2018). Islamic education in Malaysia. *Handbook of Islamic Education. International Handbooks of Religion and Education*, 7, 745-761.
- Ḥawwa, S. (1984). *Ihyā' al-Rabbāniyyah 5. Al-Ijābāt*. Kaherah: Dār al-Salām.



- Hussin, H., Amran, N. N., Rahman, N. F. A., Ismail, A., & Zakaria, Z. (2021). Amalan pentaksiran alternatif dalam program pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *Islamiyyat*, 43(1), 3-14.
- Ijon, R., Abd Latif, S. F., Razak, A. A., & Shaari, A. A. H. (2022). Pembangunan Insan dalam Mata Pelajaran Umum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Malaysia Kelantan.
- Ismail, M. S., Siwok, S. R., & KZ, A. R. (2020). The Relationship Between Assertive Behaviour and Islamic Work Ethics Among Support Staff in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 18(1).
- Ismail, N., Abd Aziz, M. K. N., Arsani, Z., & Harun, M. H. (2021). National Education Philosophy: A Review of Its Application in Malaysia's Education System. *ZAHRA: Research and Thought Elementary School of Islam Journal*, 2(2), 99-111.
- Jaafar, S. N. F. & Zaman, R. K. (2023). Pembangunan Pelajar Era Endemik Berdasarkan Prinsip Kemenjadian Insan Mulia Dalam Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan. In *Proceeding of Multidisciplinary International Conference*, 4(1), 6-14.
- Jabatan Pendidikan Tinggi (2019). *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Educational Practices-HIEPs) Dalam Matapelajaran Pengajian Umum*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamri N. *Nilai dan etika dalam pengurusan Islam* (Disertasi Ijazah Kedoktoran, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). 2002:56.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat)*. Putrajaya: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Lubis, M. A., Taib, S. H., & Ismail, M. A. (2019). The Basic Philosophy And Policy In Integrated Islamic Education: Experience Of Malaysia. In *International Conference on Islamic Educational Management (ICIEM)* (Vol. 1, No. 1).
- Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Yusoff, M. A. (2016). Aplikasi Maqasid Syariah dalam pentadbiran kerajaan Kelantan dari tahun 1990 hingga 2013: Satu analisis. *ALBASIRAH JOURNAL*, 6(1), 141-155.
- Munusamy, M. M., & Hashim, A. (2019). Internationalisation of higher education in Malaysia: Insights from higher education administrators. *AEI Insights*, 5(1), 21-39.
- Othma, M. K. H. (2017). Pembentukan akhlak pelajar menerusi aplikasi teknik-teknik penerapan nilai dalam pengajaran. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 4(1), 58-70.
- Shamsul, M. A. S., Zulkepli, N. H., Manan, M. R. A., Azman, N. H., & Ali, N. A. (2018). Peranan Program Berimpak Tinggi Dalam Mencapai Aspirasi Pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. *Sistem, Sumber Manusia Dan Organisasi Cemerlang* 231-240. ISBN:978-967-0829-97-5
- Sirat, M., & Wan, C. D. (2022). Higher education in Malaysia. In *International Handbook on Education in South East Asia* (pp. 1–23). Singapore: Springer Nature Singapore.
- Suhid, A. (2007). Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum Bil.* 8(1), 167.
- Tamuri, A. H. (2021). Pendidikan berteraskan ulul albab dalam membangun generasi Muslim yang cemerlang, berpengetahuan dan berakhlak. Dalam *Proceeding 4th International Islamic Heritage Conference 2021 (ISHEC 21)*, 1-7
- Umar, A., Musa, N., Ibrahim, M., Awang, M. H., Som, H. M., Mamat, A., ... & Mohamad, S. (2020). Dokumen Rujukan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan. Kota Bharu: Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Kerajaan Negeri Kelantan.

- Yusoff, Y. (2017). Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan. In *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia*, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia & Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradiwas University.
- Zaman, R. K., Leman, F., & Habil, R. (2022). Development of the Program Learning Outcomes based on the Rabbani Kelantan Education Policy: Its Importance in Human Capital Development In *Proceedings of the 5th UUM International Qualitative Research Conference (QRC 2022)*: 73-81.
- Zaman, R. K., Saleh, M. M., & Ab Hamid, N. S. (2022). Penerapan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dalam Pembangunan Strategik di Institusi Pengajian Tinggi Islam Swasta: Satu Kajian Awal di KIAS: The Implementation of Rabbani Kelantan Education Policy in Strategic Development in Private Islamic Higher Education Institutions: A Preliminary Study at KIAS. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(2), 1-16.
- Zaman, R. K., Saleh, M. M., & Hamid, N. S. A. (2022). Manifestasi Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan Dalam Pembangunan Pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). *Proceedings ICTE (2022)*. Vol, 1, 143-152.
- Zaman, R. K., Saleh, M. M., Ab Hamid, N. S., Mokhtar, K., & Jaafar, S. N. F. (2023). Pemetaan Modul Usrah Rabbani KIAS dan Kepentingannya dalam Pemantapan Jati Diri Siswa: The Mapping of Usrah Rabbani KIAS Module and Its Importance In Strengthening Students' Self-Identity. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 51-71.